

KHALID KALAHKAN JUARA BERTAHAN

8. Harian (M)

KHALID Zakaria merampas kejuaraan kategori *middle* mengalahkan juara bertahan, Ismail Abdullah pada Kejohanan Silat Tomoi Kedah, di Kelab Rekreasi Cina (RRC), Alor Star, kelmarin, lapor **MOKHTAR REJAB**.

Khalid, 25, dari Padang Kulim, Kuala Ketil menerima \$400, sebuah piala dan tali pinggang sumbangan Syarikat Guinness, manakala Ismail, 33, dari Kampung Paya, Pulau, Baling mendapat \$250.

"Saya tidak percaya boleh menang," kata Khalid selepas perlawanan akhir itu.

26 OCT 1989

Perlawanan akhir anjuran Kelab Sukar dan Tomoi Alor Star itu disaksikan oleh lebih 2,000 peminat.

Sementara itu, Ahmad Awang, 25, dari Kuala Kedah mempertahankan kejuaraan kategori *heavy* apabila

menumpaskan pencabarnya, Nazri Hamid, 21, dari Kampung Pokok Sena, Baling.

Ahmad memenangi \$400, sebuah piala dan tali pinggang sumbangan Tunku Dato' Hosna Ibn Almarhum Sultan Badlishah, manakala lawannya mendapat \$250 dan piala.

G Krishna, 20, dari Ladang Jerai, Bédong mengalahkan Mohd Isa Abdullah, 32, dari Pulau, Baling untuk memenangi Piala Kejohanan dan hadiah \$250.

Mat Rodhi Haji Othman, 26, dari Padang Kulim, Kuala Ketil memenangi Piala Ahli Perlimen Padang Serai dan \$250, menyingkirkan Azahari Abdul, 29, dari Jeneri, Sik.

P Govindaraja, 29, dari Ladang Holande, Sungai Petani menumpaskan Mohd Isa Yaakob, 22, dari Kampung Temusu, Pulau, Baling.

Pesaka

9. Harian (M)

minta
27 OCT 1989
penjelasan

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) meminta Majlis Gabungan Seni Silat Negeri Melaka (MGSSNM) memberi jawapan rasmi sama ada mahu menarik diri atau masih berminat menjadi tuan rumah Kejohanan Silat Kebangsaan yang dijadualkan di Melaka, bulan depan.

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata MGSSNM belum mengesahkan secara rasmi mengenai keputusan badan gabungan itu yang dilaporkan sudah menarik diri daripada menjadi tuan rumah pada kejuaraan tahunan itu.

"Setakat ini saya hanya mengetahui mengenai penarikan diri Melaka itu menerusi akhbar-akhbar sahaja, tetapi belum menerima apa-apa laporan atau jawapan rasmi mengenainya dari MGSSNM," katanya.

Beliau berkata, MGSSNM perlu memberitahu secara rasmi penarikan dirinya dari menjadi tuan rumah kejuaraan yang dijadualkan pada 24 November ini dengan segera bagi membolehkan Pesaka mencari tuan rumah lain.

MGSSNM, yang sepatutnya menjadi tuan rumah bagi kejuaraan tahun ini, dilaporkan menarik diri pada saat akhir kerana tidak mampu menampung perbelanjaan besar mengendalikan kejohanan itu.

Katanya, tarikh kejohanan itu akan ditunda hingga pertengahan Disember jika Melaka mengesahkan menarik diri dari menjadi tuan rumah kejohanan tahun ini. —